



TERMA DAN SYARAT PIAWAI YANG MELINDUNGI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD ("BANK") YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN SURAT TAWARAN BANK

1. KADAR FAEDAH /CAJ PERBANKAN/CAJ LAIN

(A) FAEDAH

Anda hendaklah membayar faedah ke atas semua wang yang genap masa untuk dibayar dan kena dibayar oleh anda dan/atau semua wang yang belum dijelaskan kepada Bank yang berkaitan dengan Kemudahan Perbankan pada kadar sedemikian atau kadar-kadar sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank pada bila-bila masa. Tanpa menjejaskan peruntukan yang disebutkan sebelum ini, faedah yang perlu anda bayar yang berkenaan dengan Kemudahan Perbankan tersebut adalah sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah lajur Kadar Faedah dalam Halaman 1 Surat Tawaran ini. Faedah pada kadar yang dinyatakan sebelum ini hendaklah dibayar oleh anda sebelum dan selepas mana-mana penghakiman atau perintah mahkamah.

(B) PERUBAHAN FAEDAH

Bank juga berhak menurut budi bicaranya pada bila-bila masa untuk mengubah KAS Bank dan/atau Margin Faedah yang dikenakan melebihi KAS Bank menurut cara yang berikut:

- (a) Berkenaan dengan KAS Bank, dengan memaparkan notis umum di premis-premis Bank mengenai perubahan KAS Bank yang ditujukan kepada orang awam secara amnya dan paparan sedemikian hendaklah dianggap sebagai notis yang berkesan bagi anda, atau melalui apa-apa cara lain yang dianggap sesuai dan betul oleh Bank; dan
- (b) Berkenaan dengan perubahan dalam Margin Faedah yang dikenakan melebihi KAS Bank, dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada anda sebelum tarikh kuat kuasa perubahan kadar(-kadar) tersebut dan notis sedemikian hendaklah dianggap telah diserahkan secara memuaskan kepada anda sekiranya dihantar melalui serahan tangan atau melalui pos biasa ke tempat kediaman/perniagaan terakhir anda yang diketahui atau ke alamat anda sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini.

Bank berhak pada bila-bila masa menurut budi bicaranya, dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda untuk mengubah dasar asas pengiraan bagi kadar yang ditetapkan (sama ada bagi KAS atau apa-apa asas lain yang disebut dengan apa-apa nama sekalipun). Dalam apa jua keadaan bahawa tarikh kuat kuasa perubahan KAS Bank dan/atau Margin Faedah yang dikenakan melebihi KAS Bank hendaklah menjadi tarikh yang ditetapkan dalam notis atau dalam paparan di premis-premis Bank.

2. FAEDAH ATAS AMAUN LEBIHAN/KADAR KEMUNGKIRAN

Tanpa menjejaskan apa-apa hak dan remedi Bank yang terkandung dalam Surat Tawaran ini:

- (a) sekiranya anda gagal untuk membayar pada tarikh genap masa apa-apa wang yang perlu dibayar berkenaan dengan Kemudahan Perbankan, anda hendaklah membayar kepada Bank ganti rugi jumlah tertentu dengan cara penambahan faedah pada kadar satu peratus (1%) setahun ke atas amaun yang masih belum dijelaskan yang dikira dari tarikh genap masa untuk membuat pembayaran tersebut sehingga tarikh pembayaran amaunnya dibuat oleh anda; dan
- (b) Bank tidak akan membenarkan apa-apa pengeluaran wang berlebihan/semntara melebihi had yang diluluskan menurut Surat Tawaran ini. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku lebihan dalam akaun anda (disebabkan, sebagai contoh, tokokan faedah, atau tamat tempoh Overdra), Bank berhak mengenakan, menurut budi bicara Bank dan dengan memberi notis bertulis kepada anda, faedah tambahan pada kadar satu peratus (1%) setahun ke atas kadar yang ditentukan oleh Bank bagi amaun yang melebihi had sehingga tarikh di mana tiada lagi pengeluaran berlebihan/semntara melebihi had tersebut.

Walaupun demikian, Bank berhak menurut budi bicaranya pada bila-bila masa mengubah kadar(-kadar) faedah tambahan dan Bank akan memberi notis bertulis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada anda sebelum tarikh kuat kuasa perubahan tersebut.

3. PEMBAYARAN BALIK

(A) PINJAMAN PERUMAHAN/PINJAMAN BERTEMPOH

- (a) Pembayaran ansuran hendaklah bermula seperti yang berikut:
 - (i) Pada hari kelima (ke-5) di bulan ketiga (ke-3) dari bulan pengeluaran dan pada setiap hari kelima (ke-5) di bulan berikutnya sehingga penyelesaian penuh, sekiranya pengeluaran akhir dibuat dalam Tempoh Pengeluaran Pertama (sebagaimana ditakrifkan dalam Surat Tawaran ini) dalam bulan pengeluaran.
 - (ii) Pada hari kelima (ke-5) di bulan kedua (ke-2) dari bulan pengeluaran dan pada setiap hari kelima (ke-5) di bulan berikutnya sehingga penyelesaian penuh, sekiranya pengeluaran akhir dibuat dalam Tempoh Pengeluaran Kedua (sebagaimana ditakrifkan dalam Surat Tawaran ini) dalam bulan pengeluaran.
- (b) Pembayaran faedah semasa pelepasan berperingkat hendaklah bermula seperti yang berikut:
 - (i) Pada hari kelima (ke-5) di bulan ketiga (ke-3) dari bulan pengeluaran dan pada setiap hari kelima (ke-5) di bulan berikutnya, sehingga penyelesaian penuh, sekiranya pengeluaran pertama dibuat



TERMA DAN SYARAT PIAWAI YANG MELINDUNGI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD ("BANK") YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN SURAT TAWARAN BANK

dalam Tempoh Pengeluaran Pertama (sebagaimana ditakrifkan dalam Surat Tawaran ini) dalam bulan pengeluaran.

- (ii) Pada hari kelima (ke-5) di bulan kedua (ke-2) dari bulan pengeluaran dan pada setiap hari kelima (ke-lima) bulan berikutnya, sehingga penyelesaian penuh, sekiranya pengeluaran pertama dibuat dalam Tempoh Pengeluaran Kedua (sebagaimana ditakrifkan dalam Surat Tawaran ini) dalam bulan pengeluaran.
- (c) Untuk tujuan seksyen/klausa ini:
 - (i) "Tempoh Pengeluaran Pertama" merujuk kepada lima belas (15) hari kalendar terakhir dari tarikh genap masa.
 - (ii) "Tempoh Pengeluaran Kedua" merujuk hari-hari lain kitaran bil pengeluaran yang tidak termasuk Tempoh Pengeluaran Pertama.
- (d) Walaupun demikian, sekiranya kadar faedah yang perlu dibayar oleh anda bagi Kemudahan Perbankan telah diubah dalam cara sebagaimana diberikan dalam Surat Tawaran ini, Bank berhak menurut budi bicaranya, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda, mengubah apa-apa yang perlu berikutan perubahan sedemikian sama ada dengan mengubah amaun mana-mana Ansuran atau dengan mengubah bilangan Ansuran.

4. SEKURITI

Kemudahan Perbankan hendaklah disediakan kepada anda tertakluk kepada anda memberikan sekuriti-sekuriti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini.

- (a) Sekiranya Kemudahan Perbankan dijamin terhadap harta/tanah dengan dokumen hak milik keluaran individu/strata tidak disediakan dan/atau belum dikeluarkan ke atas harta/tanah ("Harta"), anda mengakujaji (sebaik sahaja hak milik individu/strata yang bersasingan kepada Harta tersebut telah dikeluarkan) untuk menyerahkan dan menandatangani dan/atau menyebabkan pemilik berdaftar Harta tersebut untuk menyerahkan dan menandatangani semua dokumen yang diperlukan untuk mewujudkan gadaian pertama yang sah dan boleh didaftarkan ke atas Harta tersebut yang memihak kepada Bank,
- (b) Sekiranya Kemudahan Perbankan yang dijamin terhadap deposit tetap, faedah yang diperoleh daripada sekuriti deposit tetap, hendaklah ditukar kepada modal dan ditambahkan kepada amaun prinsipal dan membentuk sebahagian daripada sekuriti tersenit. Bank berhak untuk mengeluarkan deposit tetap (sama ada atau tidak telah menjadi matang), untuk menyelesaikan apa-apa jumlah yang genap masa untuk dibayar dan perlu dibayar termasuk faedah sekiranya Kemudahan Perbankan tidak dibayar dengan segera. Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk memperbaharui sekuriti deposit tetap secara tahunan semasa tempoh Kemudahan Perbankan.

Bank berhak, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda dan menyatakan sebab-sebab di dalam notis bertulis tersebut, untuk meminta apa-apa perjanjian sekuriti relevan yang lain sebagaimana diperlukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

5. SYARAT MENDAHULUI

Kemudahan Perbankan akan disediakan untuk kegunaan anda setelah anda memenuhi syarat-syarat mendahului yang berikut:

- (a) Bank mestilah menerima persetujuan anda terhadap Surat Tawaran ini. Selain itu, semua dokumen sekuriti mesti ditandatangani oleh anda (dan/atau pihak yang relevan yang memberikan sekuriti bagi Kemudahan Perbankan) dalam masa satu (1) bulan dari tarikh persetujuan anda terhadap Surat Tawaran ini (atau dalam tempoh masa dilanjutkan yang diberikan sebagaimana dipersetujui oleh Bank). Sekiranya anda gagal berbuat demikian, Bank berhak untuk membatalkan Kemudahan Perbankan dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda. Sebarang kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank akibat pembatalan ini hendaklah dibayar oleh anda. Bank berhak dengan memberikan notis bertulis kepada anda bagi menuntut semula semua kos dan perbelanjaan tersebut daripada anda.
- (b) Bank berpuas hati bahawa tidak ada peristiwa kemungkiran seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini telah berlaku yang menyebabkan Kemudahan Perbankan menjadi terhutang serta-merta.
- (c) Bank berpuas hati bahawa tidak ada kejadian-kejadian luar biasa, tindakan kerajaan atau perubahan atau peristiwa buruk yang material telah berlaku, yang pada pendapat Bank menjejaskan keupayaan anda dan/atau keupayaan mana-mana pihak yang memberikan sekuriti terhadap Kemudahan Perbankan ("Pihak Sekuriti") untuk mematuhi dan melaksanakan tanggungjawab anda/mereka masing-masing menurut Surat Tawaran ini atau menurut dokumen-dokumen sekuriti.
- (d) Peguam cara Bank hendaklah telah mengesahkan bahawa suatu carian telah dilakukan di Pejabat Pegawai Pemegang Harta/Pejabat Pegawai Penerima yang mendedahkan bahawa prosiding kebangkrapan atau petisyen penggulangan belum dimulakan (atau dikemukakan mengikut mana-mana yang berkaitan) terhadap anda dan/atau mana-mana Pihak Sekuriti.
- (e) Semua dokumen sekuriti yang diperlukan menurut Surat Tawaran ini dan/atau dokumen-dokumen lain yang sebagaimana dikehendaki oleh Bank dan/atau peguamnya hendaklah telah dilaksanakan oleh pihak-pihak yang



TERMA DAN SYARAT PIAWAI YANG MELINDUNGI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD ("BANK") YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN SURAT TAWARAN BANK

- berkaitan, disetemkan sewajarnya dan didaftarkan pada pendaftar-pendaftar yang sebagaimana dianggap perlu atau sesuai oleh Bank dan salinan asal setiap dokumen yang berkenaan, mestilah didepositkan dengan Bank.
- (f) Anda telah membayar semua fi atau caj yang perlu dibayar atau bersetuju untuk membayar oleh anda kepada Bank untuk atau berkaitan dengan Kemudahan Perbankan.
 - (g) Sekiranya Harta digadaikan/diserahhakkan kepada pembiaya(-pembiaya), penerimaan oleh Bank akan penyesuaian penebusan daripada pembiaya(-pembiaya) Harta yang mengesahkan jumlah penebusan yang diperlukan untuk menebus Harta bersama-sama dengan akujanji yang memihak kepada Bank untuk menyerahkan:
 - (i) sekiranya hak milik individu terhadap Harta telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang relevan, dokumen hak milik keluaran bagi Harta, gadaian pendua yang didaftarkan dan pelepasan gadaian yang dilaksanakan sewajarnya; atau
 - (ii) sekiranya hak milik individu terhadap Harta masih belum dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa yang relevan, Perjanjian Jual dan Beli, salinan asal Surat Ikatan Penyerahan Hak yang telah disetam yang memihak kepada pembiaya, Surat Ikatan Penerimaan dan Penyerahan Hak Semula yang dilaksanakan sewajarnya, yang dipersetujui sewajarnya oleh pemaju dan pemilik berdaftar (sekiranya relevan), serta dokumen-dokumen lain yang diperlukan daripada pembiaya untuk membolehkan pendaftaran atau penyempurnaan hak-hak Bank, hak milik dan kepentingan berkenaan dengan Harta tersebut;

dan untuk membayar balik jumlah penebusan kepada Bank sekiranya pelepasan gadaian tidak boleh didaftarkan atas apa-apa sebab sekalipun atau (mengikut mana-mana yang berkaitan) Penerimaan dan Penyerahan Hak Semula tidak boleh disempurnakan atas apa-apa sebab sekalipun.

- (h) Sekiranya hak milik terhadap Harta tidak mempunyai bebanan, dokumen-dokumen pindah milik ("Pindah Milik") telah dilengkapkan dan dilaksanakan dan kebenaran pemaju dan/atau kerajaan persekutuan, kerajaan negeri atau kerajaan tempatan, berkanun atau kuasi-kerajaan yang lain atau pengawal selia atau badan yang mempunyai bidang kuasa atau kuasa untuk memberikan kelulusan bagi pemindahan Harta telah diperoleh dan dikemukakan kepada Bank dan diendors pada Pindah Milik (sekiranya berkenaan).
- (i) Pembiaya penyambung telah memberikan akujanji untuk mengecualikan Harta daripada apa-apa prosiding penutupan sekiranya apa-apa prosiding diambil terhadap pemaju dan memberikan penafiannya bagi hak-hak selanjutnya dan kepentingan dalam Harta selepas penerimaan jumlah penebusan tersebut dan akujanji selanjutnya untuk melaksanakan pelepasan gadaian yang sah dan boleh didaftarkan bagi gadaian yang memihak kepada pembiaya penyambung.
- (j) Kemudahan Perbankan yang diluluskan melalui Surat Tawaran ini boleh dilepaskan apabila selesai dokumentasi undang-undang dan memenuhi syarat-syarat mendahului yang sebagaimana diperlukan oleh Bank dan tertakluk kepada Bank berpuas hati bahawa tidak ada perubahan-perubahan material yang menjejaskan keadaan kewangan anda.

6. PERISTIWA KEMUNGKIRAN

Semua wang yang belum dijelaskan dan perlu dibayar di bawah Kemudahan Perbankan bersama-sama dengan faedah padanya hendaklah dibayar balik dengan serta-merta oleh anda apabila dituntut oleh Bank atau apabila berlakunya mana-mana peristiwa yang berikut:

- (a) Anda mungkir dalam pembayaran pada tarikh genap masa untuk membayar apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan Perbankan;
- (b) Anda gagal mematuhi atau melaksanakan mana-mana perjanjian, waad, stipulasi, terma dan/atau syarat yang berkaitan dengan Kemudahan Perbankan;
- (c) Apa-apa keberhutangan anda atau keberhutangan mana-mana penjamin anda yang diisytiharkan sebagai genap masa untuk dibayar sebelum cukup tempoh disebabkan anda atau penjamin anda gagal membayar hutang tersebut. Atau, sekiranya anda atau mana-mana penjamin anda gagal membuat pembayaran berkaitan dengannya (atau sekiranya atas tuntutan, apabila dituntut). Atau, sekiranya sekuriti bagi apa-apa keberhutangan sedemikian menjadi boleh dikuatkuasakan;
- (d) anda meninggalkan pengajian anda; (terpakai untuk pinjaman pelajaran);
- (e) anda dilarang daripada meneruskan pengajian oleh kolej/universiti anda; (terpakai untuk pinjaman pelajaran)
- (f) Suatu distres atau penguatkuasaan atau proses mahkamah lain telah dikenakan atau diisu ke atas Harta anda, dan tindakan tersebut tidak diselesaikan oleh anda dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar dari tarikh tindakan tersebut;
- (g) Anda mengikat apa-apa perjanjian atau komposisi dengan pemiutang(-pemiutang) anda;
- (h) Sekiranya mana-mana prosiding, guaman atau tindakan undang-undang yang apa-apa jenis sekalipun (sivil atau jenayah) telah dimulakan terhadap anda atau penjamin(-penjamin) anda yang pada pendapat Bank akan banyak mendatangkan kemudaratan terhadap keupayaan anda atau keupayaan penjamin anda untuk melaksanakan dan mematuhi obligasi-obligasi anda/nya menurut Surat Tawaran ini atau dalam jaminan menurut mana-mana yang berkaitan;
- (i) Anda atau mana-mana penjamin anda (sekiranya ada) melakukan apa-apa perbuatan kebangkrapan atau menjadi bankrap atau mengikat apa-apa perjanjian atau komposisi dengan atau untuk kepentingan anda atau



TERMA DAN SYARAT PIAWAI YANG MELINDUNGI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD ("BANK") YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN SURAT TAWARAN BANK

- penjamin(-penjamin) pemiutang-pemiutang atau membenarkan apa-apa penghakiman terhadap anda atau penjamin(-penjamin) anda kekal tidak diselesaikan untuk tempoh empat belas (14) hari kalendar;
- (j) Penjamin anda diisytiharkan sebagai bankrap;
 - (k) Anda atau mana-mana penjamin anda (sekiranya ada) menjadi tidak siuman atau mati;
 - (l) Apa-apa dokumen sekuriti yang diberikan kepada Bank adalah atau menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan atas apa-apa sebab sekalipun;
 - (m) Sekiranya Bank menurut budi bicaranya menganggap bahawa Kemudahan Perbankan atau mana-mana sekuritinya atau kedudukan sekuritinya berada dalam bahaya;
 - (n) Sekiranya Bank berangapan bahawa Kemudahan Perbankan, atau apa-apa sekuriti, atas apa-apa sebab, menjadi tidak sah atau berada dalam bahaya;
 - (o) Sekiranya Bank berpendapat bahawa akaun(-akaun) anda dengan Bank tidak diuruskan secara memuaskan; atau
 - (p) Peristiwa-peristiwa kemungkiran lain yang dinyatakan di dalam Perjanjian Kemudahan.

7. KEMUNGKIRAN BERSILANG

Sekiranya:

- (a) mana-mana keberhutangan anda yang lain menjadi kena dibayar, atau
- (b) mana-mana keberhutangan anda yang lain boleh diisytiharkan sebagai kena dibayar atau kena dibayar secara pramatang (kerana anda gagal membayar keberhutangan anda yang lain), atau
- (c) anda gagal membayar keberhutangan anda yang lain pada tarikh yang dijadualkan untuk pembayaran tersebut (atau sekiranya atas tuntutan, apabila dituntut); atau
- (d) sekuriti untuk keberhutangan anda yang lain menjadi boleh dikuatkuasakan,

maka ini akan dianggap sebagai peristiwa kemungkiran di bawah Kemudahan Perbankan, dan Bank boleh atas budi bicaranya melaksanakan mana-mana hak dan remedi di bawah Kemudahan Perbankan dan/atau Surat Tawaran ini disebabkan oleh peristiwa kemungkiran tersebut.

8. SYARAT SPESIFIK UNTUK MENGELUARKAN WANG/MENGGUNAKAN WANG

Tertakluk kepada syarat mendahului yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran ini dan syarat lain yang seumpamanya yang boleh ditetapkan oleh Bank, yang telah dipenuhi sewajarnya, anda boleh menggunakan wang/mengeluarkan Kemudahan Perbankan menurut terma yang berikut:-

(A) Kemudahan Pinjaman Bertempoh/Perumahan

- (a) Kemudahan Perbankan adalah bagi membiayai pembinaan bangunan(-bangunan) kekal. Sekiranya bangunan(-bangunan) berkenaan adalah pembinaan separa kekal atau pembinaan sementara, Bank berhak, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda, untuk membatalkan Kemudahan Perbankan dan kesemua kos sampingan hendaklah dibayar oleh anda. Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, mengutip kos-kos tersebut daripada anda.
- (b) Penerimaan oleh Bank akan bukti dokumentari yang memuaskan Bank bahawa jumlah perbezaan antara harga pembelian harta yang dibiayai ("Harta") dan Kemudahan Perbankan telah diselesaikan sepenuhnya oleh anda;
- (c) Tidak berlaku pelanggaran mana-mana terma Perjanjian Jual dan Beli atau apa-apa perjanjian lain berkaitan hak-hak ke atas Harta ("Perjanjian Jual dan Beli");
- (d) Sekiranya Harta sedang dalam pembinaan, sijil daripada arkitek pihak pemaju yang dikeluarkan kepada Bank untuk peringkat-peringkat tertentu penyiapan kerja yang disiapkan menurut jadual pembayaran di dalam Perjanjian Jual dan Beli dan bahawa pembinaan Harta adalah mematuhi pelan-pelan dan spesifikasi-spesifikasi bangunan;
- (e) Akujanji pemaju yang memihak kepada Bank telah diberikan:
 - (i) untuk menyerahkan kepada Bank dokumen hak milik keluaran, pemindahan yang sah dan boleh didaftarkan, dan dokumen-dokumen lain yang diperlukan untuk memindahkan Harta ("Dokumen Pindah Milik"),
 - (ii) untuk membayar balik Kemudahan Perbankan atau mana-mana bahagian daripadanya yang dikeluarkan oleh Bank kepada mereka sekiranya Sijil Kelayakan Menduduki bagi Harta tidak boleh diperolehi atau pindah milik dan/atau gadaian atau serah hak yang memihak kepada Bank tidak boleh didaftarkan atau disempurnakan atas apa-apa sebab sekalipun atau Harta tidak siap, dan
 - (iii) untuk mendapatkan kebenaran pemaju, dan/atau kerajaan persekutuan, kerajaan negeri atau kerajaan tempatan, badan berkanun atau kuasi-kerajaan yang lain atau pengawal selia atau badan yang mempunyai bidang kuasa atau kuasa untuk memberikan kelulusan bagi pemindahan/gadaian/serah hak Harta.
- (f) Pembiaya penyambung telah memberikan akujanji untuk mengecualikan Harta daripada apa-apa prosiding penutupan sekiranya apa-apa prosiding diambil terhadap pemaju dan memberikan penafiannya bagi hak-hak dan kepentingan selanjutnya dalam Harta selepas penerimaan jumlah penebusan tertentu dan akujanji



TERMA DAN SYARAT PIAWAI YANG MELINDUNGI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD ("BANK") YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN SURAT TAWARAN BANK

selanjutnya untuk melaksanakan pelepasan gadaian yang sah yang boleh didaftarkan bagi gadaian yang memihak kepada pembiaya penyambung.

- (g) Perjanjian Jual dan Beli asal yang dilaksanakan dan disetamkan dan Dokumen Pindah Milik telah diserahkan kepada Bank;
- (h) Pembukaan akaun simpanan/semasa oleh anda dengan Bank bagi kredit daripada baki Kemudahan Perbankan, sekiranya ada;
- (i) Bagi Harta yang dibeli untuk didiami sendiri/digunakan sendiri, anda hendaklah menandatangani Akaun Berkanun untuk mengesahkan tujuan kediaman/kegunaan sendiri;
- (j) Sekiranya Kemudahan Perbankan adalah untuk kos pembinaan bangunan(-bangunan), anda hendaklah;
 - (i) Memberikan kepada Bank bukti dokumentari yang mengesahkan bahawa perbezaan antara kos pembinaan Harta tersebut dengan amaun Kemudahan Perbankan yang telah diselesaikan sewajarnya oleh anda;
 - (ii) Memberikan kepada Bank bukti berbentuk dokumen yang mengesahkan bahawa kelulusan untuk pelan dan reka letak bangunan telah diperolehi daripada pihak berkuasa yang relevan;
 - (iii) Memberikan kepada Bank Sijil Arkitek/Juruukur Bahan yang mengesahkan bahawa kos pembinaan tidak kurang daripada amaun sebagaimana yang dinyatakan di bawah tajuk Sekuriti. Sekiranya kos pembinaan kurang daripada amaun sebagaimana yang ditentukan di bawah tajuk Sekuriti, Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mengurangkan Kemudahan Perbankan/Kemudahan Pinjaman Bertempoh menurut margin pendahuluan (sebagaimana ditetapkan di bawah tajuk Margin Pendahuluan) bagi kos pembinaan;
 - (iv) Kemudahan Perbankan akan dikeluarkan secara berperingkat terhadap sijil daripada arkitek pemaju bagi kerja-kerja yang disiapkan di tapak pembinaan. Bank berhak, menurut budi bicaranya, melantik panel penilai Bank untuk melakukan lawatan tapak bagi memastikan kerja-kerja pembinaan adalah selari dengan sijil daripada arkitek pemaju; dan
 - (v) Mengisytiharkan kepada Bank bahawa bangunan(-bangunan) yang dibina akan didiami oleh anda.

9. HAK UNTUK MENDEBITKAN AKAUN

Anda digalakkan untuk menyenggara akaun simpanan/semasa dengan Bank, dan anda memberi kuasa kepada Bank pada bila-bila masa, untuk mendebitkan akaun anda bagi:-

- (a) apa-apa pembayaran prinsipal atau faedah yang genap masanya untuk dibayar di bawah Kemudahan Perbankan; dan
- (b) dengan memberi notis bertulis kepada anda, semua perbelanjaan, duti, fi dan jumlah lain yang genap masa untuk dibayar dan perlu dibayar yang timbul daripada Kemudahan Perbankan termasuk caj-caj perkhidmatan, fi-fi komitmen, dan premium insurans (Insurans Kebakaran, Insurans Empunya Rumah, MRTA dan/atau CLTA).

Dalam apa jua keadaan, tidak ada pendebitan sedemikian yang akan dianggap sebagai pembayaran bagi amaun yang genap masa untuk dibayar (kecuali sejauh mana apa-apa amaun dalam kredit akaun semasa atau akaun lain anda) dan tidak akan disifatkan sebagai penepian bagi apa-apa peristiwa kemungkinan.

10. PERBELANJAAN GUAMAN/UNDANG-UNDANG DAN SAMPINGAN

- (a) Anda diperlukan membayar semua yuran guaman dan perbelanjaan sampingan dan juga semua fi profesional, cukai (termasuk cukai perkhidmatan), perbelanjaan hangus yang ditanggung, dan lain-lain fi dan perbelanjaan berkenaan dengan Kemudahan Perbankan kecuali untuk pemeriksaan dan/atau penilaian tahunan atau berkala Harta tersebut selepas pengeluaran yang dijalankan oleh Bank berkenaan dengan Kemudahan Perbankan (termasuk penyediaan, penyeteman dan pendaftaran apa-apa dokumen sekuriti dan kemasukan dan penarikan balik kaveat-kaveat seperti yang dikehendaki oleh Bank) walaupun dokumen-dokumen tersebut tidak ditandatangani oleh anda. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, fi professional dalam klausa ini adalah merangkumi fi penilaian Harta sebelum pengeluaran.
- (b) Sekiranya apa-apa wang yang perlu dibayar di bawah Kemudahan Perbankan hendak dituntut semula, anda hendaklah membayar fi peguam cara Bank (berdasarkan peguam dan anak guam) dan apa-apa fi dan perbelanjaan lain yang ditanggung berkenaan dengan tuntutan sedemikian.
- (c) Anda boleh melantik firma guaman yang anda kehendaki (dengan syarat bahawa firma guaman tersebut memenuhi syarat-syarat minimum Bank) bagi mengendalikan penyediaan dokumen. Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan apa-apa kelewatan dalam dokumentasi disebabkan ketidaakbiasaan dengan dokumentasi atau proses Bank, pelantikan peguam panel Bank sangat digalakkan.

11. KETERSEDIAAN DANA/SEMAKAN SEMULA

Ketersediaan Kemudahan Perbankan sentiasa tertakluk kepada ketersediaan dana kepada Bank dan budi bicara Bank untuk menyemak semula Kemudahan Perbankan pada bila-bila masa. Bank berhak, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda, untuk menamatkan atau menarik balik Kemudahan Perbankan sekiranya Bank berpendapat bahawa terdapat alasan-alasan bagi penamatan atau penarikan balik tersebut. Bank akan terus memberitahu anda alasan sedemikian yang membolehkan Bank menamatkan atau menarik balik Kemudahan Perbankan.



TERMA DAN SYARAT PIAWAI YANG MELINDUNGI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD ("BANK") YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN SURAT TAWARAN BANK

12. AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN, 2013 ("APK")

Pemberian Kemudahan Perbankan kepada anda hendaklah dengan syarat bahawa Bank tidak akan memungkir atau melanggar mana-mana undang-undang, peraturan, termasuk peruntukan-peruntukan APK. Khususnya, anda hendaklah mengisytiharkan kepada Bank bahawa anda tidak berkaitan secara langsung sebagai pasangan, anak atau ibu bapa kepada mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Kumpulan Perbankan RHB. Sekiranya apa-apa perhubungan sedemikian diwujudkan atau ditemui pada masa ini atau akan datang, Bank berhak (dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda) untuk menamatkan dan menarik balik Kemudahan Perbankan tersebut.

13. PENDEDAHAN MAKLUMAT

Anda bersetuju dan memberi kuasa kepada Kumpulan Perbankan RHB (termasuk syarikat induk, syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat berkaitan), pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejenya untuk memproses, mendedahkan, menyimpan, berkongsi dan/atau mengesahkan maklumat atau dokumen-dokumen yang berkaitan dengan anda, akaun-akaun, kemudahan-kemudahan, rakan kongsi (sekiranya berkaitan) kepada dan/atau dengan pihak-pihak berikut termasuk:

- (a) mana-mana syarikat dalam Kumpulan Perbankan RHB, sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk sebarang tujuan termasuk, jualan silang, pemasaran dan promosi produk-produk dan/atau perkhidmatan daripada Kumpulan Perbankan RHB, (kecuali sekiranya anda telah memilih untuk tidak membenarkan Bank untuk membuat sebarang pendedahan di bawah sub-klausu (a) ini;
- (b) mana-mana pihak berkuasa/pengawal selia/pihak yang dibenarkan oleh undang-undang atau peraturan-peraturan untuk mendapatkan maklumat atau oleh pihak mahkamah;
- (c) mana-mana pihak yang menyediakan sekuriti bagi tujuan kemudahan(-kemudahan) yang diberikan kepada anda;
- (d) ejen-ejen Kumpulan Perbankan RHB, termasuk penjual-penjual, peniaga-peniaga dan/atau pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga berhubung dengan apa-apa produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Kumpulan Perbankan RHB;
- (e) juruaudit-juruaudit, peguam-peguam dan/atau penasihat-penasihat profesional lain yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Kumpulan Perbankan RHB dengan perantaraan ini, atau berkaitan dengan apa-apa penyediaan kemudahan atau dokumen-dokumen sekuriti, sekiranya berkenaan, atau mana-mana tindakan atau prosiding bagi menuntut balik wang yang perlu dibayar oleh anda, di mana berkenaan;
- (f) biro-biro kredit dan/atau agensi-agensi pelaporan kredit, agensi-agensi pencegahan penipuan, agensi-agensi pengumpulan hutang dan persatuan-persatuan berkaitan industri/kewangan; dan
- (g) mana-mana pemegang serah hak yang berpotensi atau orang-orang lain yang bercadang untuk mengikat kepada apa-apa perjanjian kontrak yang memerlukan pendedahan maklumat tersebut.

14. INSURANS/MRTA/CLTA

(A) INSURANS HARTA

- (a) Harta yang digadaikan/diserahhkan kepada Bank perlu mendapat perlindungan insurans, dan Bank boleh mendapatkan perlindungan insurans tersebut bagi pihak anda dengan RHB Insurance Berhad (RHBI), atau anda boleh mendapatkan perlindungan insurans sendiri dengan mana-mana syarikat insurans lain, di bawah nama pemilik(-pemilik) sebagai penggadai/penyerah hak dan Bank sebagai pemegang gadaian/pemegang serahhak, terhadap risiko-risiko bagi jumlah yang ditetapkan oleh Bank. Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mengenakan bayaran premium insurans dan pembaharuan premium tahunan kepada RHBI/Syarikat Insurans atas akaun pinjaman / overdraf anda.
- (b) Sekiranya anda menamakan syarikat insurans lain pilihan anda bagi perlindungan di atas, anda hendaklah memberikan Polisi Empunya Rumah / Polisi Kebakaran ("Polisi") kepada Bank sebelum pelepasan bayaran ke atas Kemudahan Perbankan, dan pembaharuan tahunan seterusnya ke atas Polisi kepada Bank, empat belas (14) hari kalendar sebelum Polisi tersebut tamat tempoh.
- (c) Sekiranya polisi tersebut diperoleh dari syarikat insurans lain selain daripada RHBI atau syarikat insurans yang dinamakan tidak boleh didapati pada masa pengeluaran Kemudahan Perbankan, Bank mempunyai budi bicara, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mendapatkan perlindungan di bawah RHBI atau syarikat insurans yang dinamakan oleh Bank seperti yang dinyatakan dalam sub-klausu (a) di atas. Setelah tamat tempoh RHBI atau polisi syarikat insurans yang dinamakan oleh Bank, atau pada tarikh pembaharuan, anda kemudiannya boleh menamakan mana-mana syarikat insurans lain pilihan anda, tertakluk kepada sub-klausu (b) di atas berkaitan syarat pembaharuan tahunan.
- (d) Sekiranya pembaharuan polisi tahunan tidak diterima oleh Bank dalam empat belas (14) hari kalendar sebelum tamat tempoh polisi, Bank boleh atas budi bicaranya, dengan memberi notis bertulis kepada anda, mendapatkan perlindungan insurans bagi Harta di bawah RHBI atau syarikat insurans yang dinamakan oleh Bank seperti yang dinyatakan dalam sub-klausu (a) dan (b) di atas.

Bank tidak akan membatalkan mana-mana Polisi RHB Insurance Berhad atau syarikat insurans lain yang dinamakan (seperti yang dinyatakan dalam sub-klausu (b) di atas) yang masih berkuatkuasa sepenuhnya sehingga tamatnya polisi tersebut. Untuk kemudahan, kami menggalakkan anda untuk membenarkan Bank menguruskan Polisi Empunya Rumah/Polisi Kebakaran ke atas Harta anda dengan RHB Insurance Berhad atau syarikat insurans lain yang dinamakan (seperti yang dinyatakan dalam sub-klausu (b) di atas).



TERMA DAN SYARAT PIAWAI YANG MELINDUNGI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD ("BANK") YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN SURAT TAWARAN BANK

(B) MRTA/CLTA

- (a) Jika Bank membiayai sepenuhnya atau sebahagian premium ke atas MRTA/CLTA bagi Kemudahan Perbankan anda, perlindungan polisi MRTA/CLTA ini hendaklah diperolehi daripada Tokio Marine Life Insurance Bhd atau syarikat insurans lain pilihan anda, dengan fasal tidak boleh batal dan kepentingan Bank sebagai penerima bayaran diendorskan di dalam polisi tersebut.
- (b) Jika Bank membiayai sepenuhnya atau sebahagian premium bagi MRTA/CLTA dan anda membuat keputusan untuk memilih syarikat insurans MRTA/CLTA selain daripada Tokio Marine Life Insurance Bhd, maka Bank akan membatalkan kemudahan pembiayaan premium MRTA/CLTA.
- (c) Anda boleh memilih mana-mana syarikat insurans untuk MRTA/CLTA, jika premium tidak dibiayai oleh Bank.

15. SURAT AKU JANJI UNTUK PEMAJU

- (a) Sekiranya terpakai, Bank menurut budi bicaranya berhak mengeluarkan aku janji kepada pemaju melepaskan Kemudahan Perbankan secara berperingkat kepada Pemaju apabila menerima daripada Pemaju sijil yang dikeluarkan oleh Arkitek bagi peringkat penyediaan kerja yang dilakukan yang berkaitan menurut jadual pembayaran dalam Perjanjian Jual dan Beli; dan
- (b) Anda bersetuju bahawa anda tidak mempunyai apa-apa hak untuk mengarahkan atau membuatkan Bank untuk membatalkan dan/atau untuk tidak memberikan kesan ke atas aku janji tersebut atas alasan bahawa anda mempunyai tuntutan terhadap atau pertikaian dengan Pemaju bagi wang yang genap masa untuk dibayar dan perlu dibayar oleh Pemaju kepada anda selepas aku janji tersebut telah dikeluarkan.

16. MEMASUKKAN KAVEAT PERSENDIRIAN

Dengan ketiadaan hak milik individu, Bank berhak memasukkan kaveat persendirian ke atas Hak Milik Induk bagi tanah yang mengandungi Harta anda sementara menunggu pengeluaran hak milik individu. Semua perbelanjaan sampingan terhadap kemasukan, pembaharuan dan penarikan balik kaveat persendirian perlu dibayar oleh anda. Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mendebitkan semua perbelanjaan sedemikian daripada akaun anda dengan Bank.

17. KEWAJIPAN MENENTUSAHKAN PENYATA AKAUN

Anda hendaklah menentusahkan semua penyata akaun yang dihantar kepada anda oleh Bank dan dengan serta-merta memaklumkan kepada Bank sekiranya terdapat apa-apa perselisihan dalam penyata akaun tersebut. Sekiranya gagal dilakukan, penyata tersebut akan dianggap muktamad dan mengikat terhadap anda.

18. PERNYATAAN BANK

- (a) Penyata Bank bagi amaun yang belum dijelaskan, genap masa untuk dibayar dan perlu dibayar, hendaklah muktamad dan konklusif tidak seharusnya, (kecuali bagi kesilapan nyata) dipersoalkan atas apa-apa sebab sekalipun.
- (b) Sekiranya anda membuat pilihan *e-Statement* di dalam *Statement Type*, anda memperakui bahawa anda telah membaca, bersetuju dan faham dengan kandungan yang ditetapkan di dalam Penyata Perjanjian Elektronik Pengguna – Terma-Terma dan Syarat-Syarat ("Terma-Terma dan Syarat-Syarat *e-Statement*") dan anda bersetuju bahawa anda terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat *e-Statement* tersebut. Anda boleh menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat *e-Statement* dengan melawat laman web www.rhbgroup.com.

19. TERMA DAN SYARAT BERKAITAN PINJAMAN PERUMAHAN/PINJAMAN BERTEMPOH

- (a) Sebarang ansuran yang perlu dibayar oleh anda atau mana-mana pembayaran lain yang mungkin anda buat kepada Bank akan dianggap sebagai pembayaran balik prinsipal sehingga semua faedah yang genap masa untuk dibayar atau yang dianggap genap masa untuk dibayar kepada Bank telah dibayar.
- (b) Tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat lain dalam Surat Tawaran ini, anda berhak membayar dahulu amaun yang belum dijelaskan bagi Pinjaman Perumahan dan/atau Pinjaman Bertempoh secara sepenuhnya atau sebahagiannya pada bila-bila masa tanpa memberikan notis terlebih dahulu kepada Bank.
- (c) Semua prapembayaran sebahagian hendaklah terpakai untuk pembayaran balik ansuran Pinjaman Perumahan dan/atau Pinjaman Bertempoh dalam urutan songang kematangannya.
- (d) Semua amaun yang dibayar dahulu tidak boleh digunakan untuk pengeluaran semula wang.
- (e) Anda hendaklah membayar ansuran/faedah bulanan berkaitan Pinjaman Perumahan/Pinjaman Bertempoh dengan serta-merta dan sekiranya gagal dilakukan, Bank berhak, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda dan menyatakan sebab-sebab di dalam notis bertulis tersebut, untuk mengubah terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan.
- (f) Sekiranya pembayaran balik jumlah prinsipal dan/atau faedah tidak dibuat pada tarikh genap masa untuk dibayar, Bank berhak atas budi bicara Bank, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mengenakan faedah tambahan pada kadar faedah semasa yang dikenakan yang dikenakan ke atas jumlah amaun yang belum dijelaskan bagi Pinjaman Perumahan/Pinjaman Bertempoh. Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mendebitkan faedah sedemikian daripada akaun anda.

20. TOLAK-SELESAI/PENGGABUNGAN ATAU PENYATUAN AKAUN-AKAUN

Bank berhak, dengan memberi notis bertulis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada anda, untuk menolak apa-apa wang di dalam mana-mana akaun anda dengan Bank untuk membayar apa-apa amaun yang genap dan kena



TERMA DAN SYARAT PIAWAI YANG MELINDUNGI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD (“BANK”) YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN SURAT TAWARAN BANK

dibayar oleh anda kepada Bank. Bank berhak atas budi bicaranya untuk melaksanakan apa-apa perkara untuk menyebabkan penolakan tersebut dibuat di bawah klausa ini (termasuk membuat pertukaran matawang.).

21. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT LAIN

- (a) Faedah ke atas apa-apa wang prinsipal termasuk faedah yang dimodalkan (*capitalised*) hendaklah pada akhir setiap bulan ditambah untuk semua tujuan kepada jumlah principal yang belum dijelaskan, dan hendaklah mulai saat itu menanggung faedah (sebelum begitu juga selepas penghakiman) pada kadar faedah semasa, walaupun hubungan jurubank-pelanggan antara Bank dengan anda boleh tamat atas apa-apa sebab sekalipun.
- (b) Sekiranya Bank memanggil balik Kemudahan Perbankan atau mana-mana bahagian daripadanya, Bank hendaklah berhak selanjutnya menurut budi bicaranya, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mengenakan faedah tambahan ke atas Kadar Asas Standard bagi amaun yang masih belum dijelaskan. Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk menukar faedah kepada modal sekiranya Kemudahan Perbankan dipanggil balik tanpa mengambil kira penamatan hubungan jurubank-pelanggan atas apa-apa sebab sekalipun.
- (c) Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mengenakan faedah tambahan pada kadar yang sebagaimana boleh dikenakan pada bila-bila masa atas budi bicaranya ke atas Kadar Asas Standard semasa (selepas begitu juga sebelum penghakiman).
- (d) Anda bersetuju bahawa sekiranya Bank tidak melaksanakan hak-hak atau remedy-remedi di bawah Kemudahan Perbankan pada masa tertentu, Bank masih berhak untuk melaksanakan hak-hak atau remedi-remedi tersebut pada masa kemudian.
- (e) Sekiranya mana-mana peruntukan Surat Tawaran ini menjadi tidak sah, kesahan di sisi undang-undang atau kebolehtuakuasaan peruntukan-peruntukan yang selebihnya tidak akan dalam apa-apa cara pun terjejas atau terganggu.
- (f) Bank berhak, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda dan menyatakan sebab-sebab di dalam notis bertulis tersebut, untuk mengubah, menggantikan, menambah dan/atau mengurangkan sekuriti yang dikenakan berkaitan Kemudahan Perbankan tersebut.
- (g) Bank berhak untuk mengenakan dan/atau menyemak semula kadar faedah, fi dan/atau caj-caj lain pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada anda sebelum tarikh kuat kuasa (dan sebab penganan dan/atau semakan semula kadar faedah, fi dan/atau caj-caj lain dari semasa ke semasa akan dinyatakan di dalam notis bertulis berkenaan) dan dimana Bank berhak, dengan memberi notis bertulis kepada anda, untuk mendebitkan daripada akaun.

22. PENEBUSAN SEBELUM PELEPASAN PENUH KEMUDAHAN PERBANKAN

Sebelum pelepasan penuh Pinjaman Perumahan/Bertempoh kepada pemaju, kontraktor atau mana-mana orang yang berkaitan dengan pembinaan Harta tersebut, anda dibenarkan membayar awal amaun yang belum dijelaskan bagi kemudahan-kemudahan dan menebus Harta tersebut hanya selepas pematuhan dan pelaksanaan anda bagi terma-terma dan syarat-syarat sedemikian sebagaimana yang boleh kami kenakan termasuk anda memberikan kepada kami surat daripada pemaju, kontraktor atau orang lain yang kami telah memberikan akujanji untuk melepaskan Pinjaman Perumahan/Pinjaman Bertempoh dan/atau Kemudahan Overdraft, membebaskan kami daripada semua obligasi di bawah akujanji tersebut.

23. PELANTIKAN EJEN KUTIPAN

Bank berhak, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda, untuk melantik seorang ejen pilihan Bank untuk mengutip semua dan apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada Bank oleh anda di bawah Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

24. AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 (AKTA 613) (“AMLA”)

- (1) Anda dan/atau Pihak Sekuriti mewakili dan menjamin kepada Bank bahawa:-
 - (a) Anda dan/atau Pihak Sekuriti tidak terlibat, dan tidak boleh melibatkan diri, secara langsung atau tidak langsung, dalam transaksi yang melibatkan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
 - (b) Anda dan/atau Pihak Sekuriti tidak memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan, dan tidak boleh memperoleh, menerima, memiliki, menyamar, memindahkan, mengubah, menukar, membawa, melupuskan atau menggunakan hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
 - (c) Anda dan/atau Pihak Sekuriti tidak mengalihkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia, dan tidak boleh mengalihkan atau membawa masuk ke dalam Malaysia hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
 - (d) Anda dan/atau Pihak Sekuriti tidak merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang, dan tidak boleh merahsiakan, menyembunyikan atau menghalang, pemastian sifat sebenar, sumber, lokasi, pergerakan, pelupusan, hakmilik, hak berkenaan dengan, atau pemunyaan, hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan;
 - (e) Anda dan/atau Pihak Sekuriti akan sentiasa mematuhi langkah-langkah Bank dalam melaksanakan kewajibannya untuk mematuhi Keperluan Peraturan (seperti yang ditakrifkan di bawah dalam Klausa (3) (a));



TERMA DAN SYARAT PIAWAI YANG MELINDUNGI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD ("BANK") YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN SURAT TAWARAN BANK

- (f) Anda dan/atau Pihak Sekuriti akan bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya Bank didapati melanggar Keperluan Peraturan (seperti yang ditakrifkan di bawah dalam Klausa (3) (a)) yang disebabkan oleh tindakan saya/kami, yang menyebabkan kesan undang-undang terhadap Bank; dan
- (g) Anda dan/atau Pihak Sekuriti memahami bahawa sebarang pelanggaran yang disebabkan oleh AMLA dan syarat sanksi tidak boleh dirundingkan.

(2) Bagi maksud Fasal ini, berikut adalah takrifannya:-

"peralatan kesalahan" bermaksud: -

- (a) apa-apa benda yang digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan mana-mana aktiviti haram; atau
- (b) apa-apa harta yang keseluruhannya atau sebahagiannya digunakan dalam, atau berkaitan dengan, pelakuan mana-mana aktiviti haram,

sama ada benda atau harta itu terletak di dalam atau di luar Malaysia;

"hasil daripada aktiviti haram" bermaksud mana-mana harta, atau apa-apa kelebihan ekonomi atau keuntungan ekonomi daripada harta itu, di dalam atau di luar Malaysia: -

- (a) yang keseluruhan atau sebahagiannya: -
 - (i) diperolehi atau didapati, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana orang daripada apa-apa aktiviti haram;
 - (ii) diperolehi atau didapati daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta yang disebut dalam subperenggan (i); atau
 - (iii) diperolehi dengan menggunakan harta yang diperolehi atau didapati oleh mana-mana orang melalui pelupusan atau urusan lain yang disebut dalam subperenggan (i) atau (ii); atau
- (b) yang, keseluruhannya atau sebahagiannya, disebabkan oleh apa-apa hal keadaan seperti sifat, nilai, lokasi atau tempat penemuannya, atau masa, cara atau tempat pemerolehannya, atau orang yang daripadanya harta itu diperolehi, atau perkaitannya dengan harta lain yang disebut dalam subperenggan (a)(i), (ii) atau (iii), boleh dengan semunasabahnya dipercayai adalah harta yang termasuk dalam ruang lingkup subperenggan (a) (i), (ii) atau (iii);

"harta" bermaksud: -

- (a) tiap-tiap jenis aset, sama ada yang zahir atau tidak zahir, harta alih atau tak alih, yang ketara atau tidak ketara, walau bagaimanapun diperolehi; atau
- (b) dokumen atau surat cara undang-undang dalam apa-apa bentuk, termasuk elektronik atau digital, yang menjadi keterangan tentang hakmilik, atau kepentingan mengenai, aset itu, termasuk mata wang, kredit bank, deposit dan sumber kewangan yang lain, cek kembara, cek bank, kiriman wang, produk pasaran modal, draf dan surat kredit,

sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia, dan termasuklah kepentingan di sisi undang-undang atau ekuiti, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, dalam mana-mana harta itu;

"aktiviti haram" bermaksud: -

- (a) apa-apa aktiviti yang merupakan mana-mana kesalahan berat atau mana-mana kesalahan berat asing; atau
- (b) apa-apa aktiviti yang bersifat sedemikian, atau yang berlaku dalam hal keadaan sedemikian, yang aktiviti itu mengakibatkan atau menyebabkan pelakuan mana-mana kesalahan berat atau kesalahan berat asing,

tidak kira sama ada aktiviti itu, keseluruhannya atau sebahagiannya, berlaku di dalam atau di luar Malaysia;

"kesalahan berat" ertinya—

- (a) mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua AMLA;
- (b) percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan itu; atau
- (c) persubahatan mana-mana kesalahan itu;

"transaksi" termasuklah suatu perkiraan untuk membuka suatu akaun yang melibatkan dua (2) orang atau lebih dan apa-apa transaksi yang berkaitan antara mana-mana orang yang berkenaan itu dengan orang lain.

(3) Anda dan/atau Pihak Sekuriti mengakui dan bersetuju dengan Bank bahawa:

- (a) Bank berkewajipan untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan, arahan, dokumen dasar, panduan, petunjuk praktik, sekatan, piawaian dan praktik industri dan keperluan lain, termasuk AMLA, Akta



TERMA DAN SYARAT PIAWAI YANG MELINDUNGI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD ("BANK") YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN SURAT TAWARAN BANK

Perdagangan Strategik 2010, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana Bank sebagai institusi kewangan berlesen boleh dari semasa ke semasa dikenakan di Malaysia (secara kolektif, "Keperluan Peraturan");

- (b) Bank berhak untuk melakukan atau mengelak dari melakukan apa-apa tindakan atau perkara, untuk mematuhi Keperluan Peraturan;
- (c) sekiranya Bank berpendapat bahawa peristiwa atau keadaan (sama ada berkaitan atau tidak), yang akan menjadikannya tidak sah atau menyalahi undang-undang bagi Bank untuk meluluskan permohonan kemudahan telah berlaku atau timbul, atau kelulusan permohonan untuk kemudahan akan melanggar mana-mana Keperluan Peraturan (keseluruhan atau sebahagian), termasuk tanpa had penerimaan Bank bagi sebarang amaran atau padanan nama positif daripada semakan berkaitan yang dilakukan pada Pelanggan, pihak yang membekalkan sekuriti dan/atau mana-mana pihak ketiga berkaitan yang terlibat dalam transaksi yang mendasari (termasuk vendor / pemaju / penganjur / ejen / pemegang amanah / pembekal yang terlibat dalam penyediaan Perkhidmatan) oleh Bank menurut Keperluan Peraturan, maka, walau apa pun yang bertentangan yang terkandung dalam surat tawaran ini, Bank hendaklah, pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada empat belas (14) hari bekerja atau tempoh yang dipendekkan sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Keperluan Peraturan tersebut, berhak untuk:
 - (i) menangguhkan kemudahan perbankan dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin diperlukan untuk mematuhi Keperluan Peraturan; dan/atau
 - (ii) membatalkan kemudahan perbankan dan menghentikan hubungannya dengan saya/kami, dan melakukan semua tindakan dan perkara yang mungkin diperlukan untuk mematuhi Keperluan Peraturan.
- (d) Sekiranya kemudahan perbankan dibatalkan dan/atau ditamatkan oleh Bank sesuai dengan kepatuhan Bank terhadap Keperluan Peraturan:
 - (i) Tiada penggunaan atau penggunaan selanjutnya yang dibenarkan di bawah kemudahan perbankan; dan
 - (ii) Bank berhak untuk melaksanakan semua atau mana-mana hak dan remedi yang tersedia baginya berdasarkan terma dan syarat perjanjian kemudahan, dokumen sekuriti, undang-undang yang berkaitan atau sebaliknya;
- (e) Anda dan/atau Pihak Sekuriti akan menyediakan semua dokumen dan maklumat seperti yang dikehendaki oleh Bank (setiap masa sepanjang tempoh kemudahan perbankan) untuk tujuan mematuhi Keperluan Peraturan;
- (f) pihak Bank berhak untuk menghentikan semua perkhidmatan yang akan dilaksanakan dan diterima di bawah kemudahan perbankan sehingga pemberitahuan selanjutnya (perintah pembatalan) diterima dari agensi penguatkuasaan tersebut atau penghentian perintah (yang mana satu yang pertama), atau melainkan ada perintah variasi.

25. AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009 ("AKTA SPRM")

- (1) Anda dan Pihak Sekuriti hendaklah untuk membaca dan memahami dasar dan prosedur anti rasuah Bank yang Anda dan Pihak Sekuriti hendaklah untuk membaca dan memahami dasar dan prosedur anti rasuah Bank yang terdapat di laman web Bank di www.rhbgroup.com. Anda dan Pihak Sekuriti akan diberi notis oleh Bank mengenai perubahan atau revisi terhadap dasar dan prosedur antirasuah Bank, dan Anda dan Pihak Sekuriti diminta untuk membaca dan memahami pindaan atau semakan tersebut, yang akan tersedia di laman web Bank. Sekiranya Anda atau Pihak Sekuriti tidak memahami dasar, prosedur atau pindaan yang berkaitan, Anda atau Pihak Sekuriti boleh menghubungi Bahagian Integriti & Governans Kumpulan RHB.
- (2) Anda dan pihak sekuriti (sekiranya ada) masing-masing menyatakan dan menjamin kepada Bank bahawa ia mematuhi semua undang-undang, kehendak peraturan dan dasar serta prosedur antirasuah Bank, termasuk semua undang-undang dan kehendak peraturan antirasuah dan anti-suapan, dan sentiasa mematuhi semua undang-undang tersebut, kehendak peraturan dan dasar serta prosedur antirasuah Bank pada setiap masa. Anda dan Pihak Sekuriti masing-masing setuju bahawa mereka akan bekerjasama dengan Bank untuk menyempurnakan setiap tindakan verifikasi yang dijalankan oleh Bank mengikut dasar dan prosedur antirasuah Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyediaan semua dokumen dan / atau maklumat yang diperlukan oleh Bank.
- (3) Anda dan Pihak Sekuriti masing-masing selanjutnya menyatakan dan menjamin kepada Bank bahawa ia tidak atau disyaki telah memberikan, menjanjikan, menawarkan, meminta, menerima, memperoleh, menerima, menyetujui atau berusaha untuk melakukannya, dan tidak akan pada bila-bila masa memberi, menjanjikan, menawarkan, meminta, menerima, memperoleh, menerima, bersetuju atau berusaha untuk melakukan, sebarang bentuk suapan secara rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada atau dari mana-mana orang yang terhubung atau berkaitan dengan Kemudahan Perbankan atau urusan atau perniagaan Anda atau Pihak Sekuriti ("Orang tersebut") untuk:
 - (i) Secara tidak wajar mempengaruhi sebarang tindakan, peninggalan atau keputusan oleh Orang tersebut berkenaan dengan apa-apa perkara atau transaksi, sama ada yang sebenarnya atau dicadangkan atau kebarangkalian akan berlaku; atau



TERMA DAN SYARAT PIAWAI YANG MELINDUNGI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD ("BANK") YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN SURAT TAWARAN BANK

- (ii) secara tidak wajar mendorong Orang tersebut untuk menggunakan pengaruh Orang itu dengan atau pada mana-mana entiti atau orang lain untuk mempengaruhi tindakan, peninggalan atau keputusan oleh entiti tersebut atau orang lain; atau
- (iii) menjamin kelebihan yang tidak wajar.

Bagi tujuan Surat Tawaran ini, "suapan" memiliki maksud yang dinyatakan dalam Seksyen 3 Akta SPRM/ yang dilampirkan di bawah:

- (a) wang, derma, hadiah, pinjaman/kemudahan, yuran, ganjaran, sekuriti berharga, harta atau kepentingan dalam harta benda iaitu apa-apa jenis harta sama ada alih atau tak alih, manfaat kewangan, atau kelebihan lain yang seumpamanya;
 - (b) sebarang pejabat, pangkat, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan persetujuan untuk memberi pekerjaan atau memberikan perkhidmatan dalam apa jua kapasiti;
 - (c) apa-apa pembayaran, pelepasan atau pembubaran sebarang pinjaman/kemudahan, tanggungan atau liabiliti lain, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian;
 - (d) apa-apa balasan berharga dalam apa jua bentuk, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
 - (e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
 - (f) apa-apa perkhidmatan lain atau sokongan dalam apa-apa bentuk, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau diberkas atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada telah dimulakan atau tidak, dan termasuk pelaksanaan atau menahan diri daripada melaksanakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau tugas rasmi; dan
 - (g) apa-apa tawaran, akujanji atau janji, sama ada bersyarat atau tanpa syarat, untuk apa-apa suapan dalam erti mana-mana perenggan sebelumnya (a) hingga (f).
- (4) Anda dan Pihak Sekuriti masing-masing bersetuju bahawa apabila berlakunya salah satu peristiwa yang dinyatakan di atas, pada kesempatan paling awal selepas itu, melaporkan kejadian tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau seorang pegawai polis, dan saluran pelaporan sulit (Speak Up Corner) Bank yang boleh didapati di laman web korporat Bank di www.rhbgroup.com. Kegagalan membuat laporan tersebut adalah merupakan suatu kesalahan dan sekiranya disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara selama suatu tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya.
- (5) Dengan berlakunya mana-mana aktiviti yang disebutkan di atas akan dianggap sebagai "Event of Default" (Peristiwa Keingkaran) di bawah Kemudahan Perbankan dan Bank berhak tanpa memberi notis lanjut kepada Anda untuk melaksanakan semua atau mana-mana hak, kuasa dan usaha pemulihannya di bawah Kemudahan Perbankan atau oleh undang-undang atau sebaliknya, dan Bank akan membuat pendedahan yang diperlukan mengikut pematuhan undang-undang dan keperluan peraturan yang berkaitan.

26. KETAHSAHAN

Sekiranya Bank menetapkan bahawa mana-mana undang-undang, peraturan atau arahan rasmi diperkenalkan atau diubah, atau terdapat perubahan dalam pentafsiran atau penggunaan undang-undang, peraturan atau arahan rasmi tersebut, yang menjadikannya salah Bank di sisi undang-undang untuk mengekalkan, membiayai atau memberi kesan kepada obligasinya di bawah Kemudahan Perbankan, Bank akan dengan serta-merta memberi notis bagi penamatan tersebut kepada anda, dan kemudian Kemudahan Perbankan akan dibatalkan, dan anda hendaklah dengan serta-merta (apabila menerima notis daripada Bank) membayar balik semua wang yang belum dijelaskan di bawah Kemudahan Perbankan bersama-sama dengan faedah padanya dan semua wang lain yang dipersetujui dibayar oleh anda di bawah Kemudahan Perbankan.

27. CARIAN KEBANKRAPAN

Peguam cara Bank akan melakukan carian kebangkrapan ke atas anda/penjamin(-penjamin) anda sebelum pengeluaran Kemudahan Perbankan dan pada bila-bila masa kemudian. Semua caj yang dikenakan berkaitan dengan carian kebangkrapan sebelum pengeluaran Kemudahan Perbankan mestilah dibayar oleh anda. Sekiranya mana-mana carian mengesahkan bahawa anda/penjamin(-penjamin) anda merupakan seorang bankrap, atau sekiranya terdapat apa-apa prosiding undang-undang, guaman atau tindakan yang apa jua jenisnya yang dikemukakan terhadap anda atau penjamin anda, Bank berhak, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada anda dan dengan menyatakan sebab-sebab dalam notis bertulis tersebut, untuk menarik balik, membatalkan, menamatkan dan/atau memanggil balik Kemudahan Perbankan.

28. PENEPIAN DAN KELONGGARAN

- (a) Anda bersetuju bahawa Bank atas budi bicaranya berhak untuk mengenyepikan keseluruhan atau sebahagian mana-mana terma dan syarat Surat Tawaran ini tanpa menjejaskan hak-hak dan remedi-remedi Bank di bawah Kemudahan Perbankan; dan
- (b) Anda bersetuju bahawa sekiranya Bank tidak melaksanakan hak-hak atau remedi-remedi di bawah Kemudahan Perbankan pada masa tertentu, Bank masih berhak untuk melaksanakan hak-hak atau remedi-remedi tersebut pada masa kemudian.

29. AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK)



TERMA DAN SYARAT PIAWAI YANG MELINDUNGI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD ("BANK") YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN SURAT TAWARAN BANK

BNM telah menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan percuma tentang pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu-individu. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi 03-2616 7766.

30. BANK NEGARA MALAYSIA LINK (BNMLINK) DAN FINANCIAL MARKETS OMBUDSMAN SERVICE (FMOS) [dahulunya dikenali sebagai Ombudsman for Financial Services]

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan hasil penyiasatan atau aduan, anda boleh membuat rayuan terhadap hasil penyiasatan tersebut dengan merujuk aduan kepada Bank Negara Malaysia atau Financial Markets Ombudsman Service. Untuk pertanyaan, sila hubungi:

BNMLINK or TELELINK: 1-300-88-5465
Financial Markets Ombudsman Service (FMOS): 03-2272 2811

31. NOTIS

A. Notis/Komunikasi

Sebarang notis, tuntutan atau komunikasi lain di antara pihak-pihak di bawah Surat Tawaran ini boleh diberikan secara bertulis kepada pihak yang lagi satu pada butiran-butiran alamat seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran ini atau di alamat lain yang telah dimaklumkan oleh penerima kepada pihak yang lagi satu secara bertulis. Tiada perubahan bagi alamat anda yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran ini atau perjanjian kemudahan adalah berkuatkuasa atau mengikat Bank, kecuali sekiranya Bank telah menerima notis yang sebenar memaklumkan pertukaran alamat tersebut.

Notis atau komunikasi-komunikasi lain boleh diberikan atau dibuat dengan apa-apa cara yang dinyatakan dalam sub-klause ini. Notis-notis atau komunikasi-komunikasi lain dianggap sebagai telah dihantar kepada anda (melainkan sekiranya terdapat bukti bercanggah bahawa notis atau komunikasi tersebut sebenarnya tidak dihantar);

- (a) dalam kes panggilan telefon, apabila panggilan dibuat;
- (b) dalam kes kiriman pos, pada hari kelima selepas diposkan;
- (c) dalam kes kurier atau perkhidmatan pos segera yang lain, pada masa penghantaran, selagi notis or komunikasi lain tersebut telah dialamatkan dan diposkan dengan sewajarnya;
- (d) dalam kes faksimili, pada masa laporan penghantaran yang dihantarkan dari terminal penghantar diterima oleh pengirim, yang mengesahkan bahawa penerima telah menerima faksimili tersebut;
- (e) dalam kes mel elektronik, pada hari mel elektronik itu memasuki sistem maklumat anda, selagi Bank tidak menerima mesej kegagalan penghantaran atau tidak dapat dihantar daripada penyedia hos pada hari penghantaran;
- (f) dalam kes penghantaran secara kediri, pada masa penghantaran; dan
- (g) dalam kes sistem pesanan ringkas ("SMS"), pada hari SMS itu dihantar kepada anda, selagi Bank tidak menerima mesej kegagalan penghantaran pada hari SMS itu dihantar.

Tanpa mengambil kira peruntukan-peruntukan di atas, anda bersetuju bahawa Bank boleh membuat tuntutan untuk pembayaran, dalam bentuk tuntutan atau notis daripada janaan komputer yang tidak memerlukan tandatangan atau yang mengandungi tandatangan faksimili bercetak. Apa-apa tuntutan atau notis (kecuali bagi kesilapan yang nyata), adalah mengikat dan konklusif kepada anda.

Jika anda menghantar sebarang arahan, notis atau komunikasi, atau jika anda melaksanakan atau menyempurnakan apa-apa dokumen melalui faksimili atau mel elektronik kepada Bank, anda hendaklah membayar ganti rugi kepada Bank terhadap apa-apa tuntutan, kerugian dan liabiliti yang timbul daripada Bank bergantung kepada arahan, notis, komunikasi, pelaksanaan atau penyempurnaan tersebut.

Untuk mengelak sebarang keraguan, anda membenarkan Bank untuk bergantung kepada dan bertindak ke atas sebarang arahan, notis atau komunikasi daripada anda yang dibuat melalui telefon atau faksimili kepada Bank. Anda hendaklah menanggung rugi Bank dan tidak menjadikan Bank bertanggungjawab untuk sebarang tindakan, tindakan guaman, prosiding, kos, tuntutan, permintaan, caj, perbelanjaan, kerugian dan liabiliti (kecuali disebabkan kecuaiian melampau Bank atau keingkaran sengaja), disebabkan atau berkaitan dengan Bank bergantung pada atau bertindak dengan suci hati selaras dengan arahan telefon faksimili, notis atau komunikasi, walaupun arahan, notis atau komunikasi tersebut telah dimulakan atau dihantar melalui kesilapan, diubah melalui penipuan, salah faham atau herot-benyot dalam saluran komunikasi atau penghantaran.

B. Penyampaian Proses Perundangan

- (a) Proses Perundangan boleh disampaikan melalui pos berdaftar atau biasa yang dihantar kepada alamat pihak yang berkenaan, dan Proses Perundangan sedemikian dianggap telah disampaikan dengan sewajarnya selepas lima (5) hari kalendar dari tarikh pos dan jika disampaikan dengan tangan, pada hari ia dihantar; dan
- (b) Tiada perubahan dalam alamat untuk penyampaian akan berkuat kuasa atau terikat pada mana-mana pihak, melainkan pihak itu telah memberi kepada pihak lagi satu notis sebenar pertukaran alamat untuk penyampaian, dan apa-apa yang dilakukan berdasarkan sub-fasal(a) di atas tidak terjejas oleh mana-mana pertukaran alamat penyampaian yang dibuat kemudian, yang mana pihak lagi satu tidak mempunyai pengetahuan sebenar pada masa tindakan atau perkara itu dilakukan atau dijalankan.



TERMA DAN SYARAT PIAWAI YANG MELINDUNGI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD ("BANK") YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN SURAT TAWARAN BANK

- (c) "Proses Perundangan" ertinya pliding, semua bentuk proses pemula, permohonan interlokutori, affidavit, perintah dan dokumen-dokumen lain yang perlu diberikan kepada pihak lain, notis di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Insolvensi 1967 dan undang-undang lain di Malaysia.

32. PEMBIAYAAN PEMULIHAN

Tanpa menjejaskan mana-mana hak dan remedi Bank apabila berlakunya kemungkiran, anda memberi kuasa kepada Bank untuk:

- (a) Debit baki yang ada daripada akaun overdraf, akaun semasa, akaun simpanan dan/atau akaun deposit tetap atau bertempoh anda untuk menyelesaikan sebarang tunggakan/jumlah tertunggak sedia ada bagi Kemudahan lain, dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda.
- (b) Tertakluk kepada Klausula 25 di atas, Bank boleh memulangkan cek lewat tarikh yang dikeluarkan daripada mana-mana akaun semasa anda dan Bank akan menolak baki kredit dalam akaun tersebut untuk menyelesaikan sebarang tunggakan sedia ada selepas tamat tempoh tujuh (7) hari perniagaan ' notis bertulis kepada anda selepas itu anda hanya boleh mengeluarkan sebarang baki kredit dalam akaun tersebut setelah mendapat kebenaran bertulis Bank terlebih dahulu.
- (c) Debit mana-mana akaun/baki kredit anda (terpakai kepada pakej fleksi penuh & semi fleksi) untuk menolak semua pembayaran Kemudahan yang tertunggak dengan notis bertulis terlebih dahulu kepada anda termasuk tetapi tidak terhad kepada hak Bank untuk memulangkan cek yang diambil daripada akaun semasa anda dan/atau akaun overdraf.
- (d) Menyerahkan polisi insurans/takaful bagi pihak anda untuk mendapatkan semula kerugian pembiayaan sekiranya berlaku peristiwa keingkar, memberikan notis bertulis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada anda. *Bank akan menuntut/menggunakan nilai serahan (nilai tunai) daripada syarikat insurans/takaful untuk menampung kerugian pembiayaan.*

33. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN

Anda memahami bahawa Kumpulan Perbankan RHB ("Bank") akan menggunakan, mengumpul, merekodkan, menyimpan, berkongsi dan/atau memproses maklumat peribadi anda, termasuk, tanpa batasan:

1. maklumat peribadi termasuk butir-butir, imej dan biometrik (ukuran dan analisis sifat fizikal atau tingkah laku yang unik (seperti cap jari atau pola suara) terutamanya sebagai cara untuk menentusahkan identiti peribadi) anda
2. data kewangan, tempat kediaman percukaian
3. contoh tandatangan, serta tandatangan digital atau elektronik seperti yang ditakrifkan di bawah undang-undang dan peraturan yang terpakai
4. kedudukan kewangan, butiran penggajian, kepercayaan kredit dan/atau kesesuaian bagi mana-mana produk/perkhidmatan Bank yang dimohon
5. maklumat peribadi yang anda berikan apabila anda memohon mana-mana produk dan perkhidmatan kami, termasuk pandangan atau pendapat anda yang dimaklumkan kepada Bank melalui maklum balas atau tinjauan;
6. maklumat tentang profil risiko, pelaburan, cukai dan insurans/takaful, matlamat pelaburan, pengetahuan dan pengalaman dan/atau kepentingan perniagaan dan aset anda
7. maklumat berkaitan dengan aktiviti, kebiasaan, keutamaan dan minat anda yang timbul daripada penggunaan produk dan perkhidmatan Bank
8. data atau maklumat elektronik lain yang berkaitan dengan anda seperti alamat IP, kuki, log aktiviti, pengenalan pasti dalam talian dan data lokasi melalui penggunaan produk dan perkhidmatan kami oleh anda atau sebagai sebahagian daripada penyampaiannya kepada anda

dan maklumat lain yang berkaitan dengan anda/permohonan anda bagi produk dan / atau perkhidmatan itu yang:

1. telah anda berikan dalam borang ini atau melalui mana-mana hubungan lain dengan Bank (yang hendaklah merangkumi syarikat pemegang, subsidiari dan mana-mana syarikat bersekutunya, termasuk mana-mana syarikat hasil daripada apa-apa penyusunan semula, percantuman, penjualan atau pemerolehan), atau
2. telah diperolehi daripada analisis pembayaran oleh anda dan transaksi/perkhidmatan lain dalam Bank, atau
3. telah diperolehi daripada pihak ketiga seperti majikan, pemohon/pemegang akaun bersama, penjamin, wakil sah, persatuan berkaitan industri/kewangan, pihak berkuasa kerajaan/pengawalseliaan, biro kredit atau agensi pelaporan kredit, peruncit, rangkaian sosial dan agensi pencegahan penipuan atau organisasi lain
4. telah diperolehi daripada rakaman Televisyen Litar Tertutup (CCTV) yang dipasang di premis kami termasuk cawangan yang bertempat di dalam atau di luar Malaysia
5. telah diperolehi daripada tuntutan insurans/takaful atau dokumen lain; dan/atau
6. telah diberikan dan/atau dikumpul apabila anda melawati laman web Bank dan/atau memuat turun aplikasi peranti mudah alih Bank yang mungkin merangkumi alamat IP peranti anda atau daripada data yang dikumpul melalui kuki.

Anda, secara nyata, dengan ini bersetuju, akur dengan dan membenarkan Bank untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan anda, urusan anda dan/atau mana-mana akaun, produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank untuk anda, kepada:

1. pihak ketiga seperti pemberi perkhidmatan, peniaga dan rakan strategik, kakitangan kontrak untuk perkhidmatan (CFS), juruaudit, penasihat undang-undang, vendor termasuk agensi pemungutan hutang, penasihat



TERMA DAN SYARAT PIAWAI YANG MELINDUNGI KEMUDAHAN PERBANKAN YANG DIBERIKAN OLEH RHB BANK BHD ("BANK") YANG MEMBENTUK SEBAHAGIAN SURAT TAWARAN BANK

- profesional, persatuan berkaitan industri/kewangan, biro kredit atau agensi pelaporan kredit dan agensi pencegahan penipuan, institusi kewangan lain dan mana-mana ejen dan/atau pekerjanya, dan/atau orang, sama ada bertempat di dalam atau di luar Malaysia, jika berkenaan, pada setiap masa tertakluk pada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, standard, garis panduan dan/atau obligasi) yang terpakai bagi Bank.
2. entiti dan/atau syarikat lain dalam kumpulan korporat Bank
 3. mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan kerajaan atau pihak berkuasa berkaitan lain yang kepadanya Bank dikehendaki membuat pendedahan, atau yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, untuk mematuhi apa-apa perintah, tuntutan, permintaan atau kehendak pelaporan, atau bagi maksud litigasi atau kemungkinan litigasi yang melibatkan Bank, bila-bila dikehendaki atau diminta supaya berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;
 4. mana-mana syarikat dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemrosesan dan/atau pelaksanaan transaksi atau arahan yang telah saya/kami minta dan/atau berikan kepada Bank;
 5. mana-mana bakal penerima pindahan atau pemegang serah hak yang dengannya Bank sedang merundingkan pemindahan, penyerahan hak dan novasi hak atau obligasi di bawah, atau dengan rujukan kepada, akaun itu;
- bagi mana-mana dan/atau semua maksud berikut, jika berkenaan:
- a. memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan produk/kemudahan kewangan dan pelaksanaan kontrak, perkhidmatan yang diberikan atau disediakan oleh Bank;
 - b. menyediakan produk dan/atau perkhidmatan ini dan memberitahu anda tentang perubahan atau perkembangan penting pada ciri-ciri;
 - c. mengemaskinikan dan mengurus ketepatan dan kesempurnaan rekod Bank;
 - d. pencegahan, pengesanan atau pendakwaan jenayah, dan mematuhi obligasi undang-undang dan pengawalseliaan;
 - e. penilaian dan analisis termasuk risiko kredit, pemberian pinjaman/pembiayaan, insurans/takaful dan/atau maksud risiko lain, pemarkahan tingkah laku (behaviour scoring), perlombongan, pemprofilan, analisis data, usaha wajar, analisis pasaran dan produk dan/atau penyelidikan pasaran;
 - f. komunikasi dan memastikan kepuasan pelanggan, yang boleh merangkumi usaha menjalankan tinjauan untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan kami, menjawab pertanyaan dan aduan dan untuk menyelesaikan pertikaian secara am;
 - g. menentukan amaun keterhutangan anda dan mendapat balik wang yang anda berhutang pada Bank;
 - h. menyenggarakan sejarah kredit anda untuk rujukan pada masa ini dan masa hadapan;
 - i. membolehkan pemegang serah hak Bank yang sebenar atau yang dicadangkan, atau peserta atau subpeserta Bank, untuk menilai transaksi anda yang dimaksudkan untuk menjadi subjek penyerahan hak, penyertaan atau subpenyertaan itu;
 - j. untuk acara korporat Bank (termasuk acara perangkaian, pelancaran produk dsb) /pertandingan, yang baginya gambar foto / imej anda boleh ditangkap dan boleh digunakan untuk terbitan Bank;
 - k. melindungi kepentingan Bank; atau
 - l. semua maksud lain yang bersampingan atau berkaitan dengan mana-mana perkara di atas.

Anda memahami dan bersetuju bahawa:

1. persetujuan yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat anda adalah perlu bagi penyediaan / pengendalian akaun, produk dan/atau perkhidmatan atau pelaksanaan kontrak dengan anda untuk mematuhi kehendak kontraktual atau untuk mematuhi mana-mana kehendak undang-undang, jika, tanpa maklumat tersebut, Bank tidak akan dapat menawarkan produk/ perkhidmatan yang anda minta.
2. Jika anda telah memberi Bank maklumat peribadi sensitif (terutamanya maklumat yang merangkumi kesihatan fizikal/mental anda untuk permohonan produk/perkhidmatan insurans/takaful), anda memberikan persetujuan bagi Bank untuk memproses perkara tersebut dengan cara yang diperihalkan menurut kehendak data peribadi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan garis panduan yang terpakai, termasuk Garis Panduan BNM sebagaimana yang boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa.
3. Bank boleh mengubah suai atau mengemaskinikan Pendedahan Maklumat Pelanggannya dari semasa ke semasa, yang salinannya boleh didapati pada pautan www.rhbgroup.com.
4. Anda boleh menggunakan pilihan anda berkenaan dengan penerimaan bahan pemasaran (termasuk penjualan silang, pemasaran dan promosi) dengan mengunjungi cawangan atau menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB (03-9206 8118).

34. SURAT TAWARAN DALAM BAHASA INGGERIS

Anda mengakui bahawa Surat Tawaran ini turut didapati dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat percanggahan di antara terma(-terma) dan syarat(-syarat) Surat Tawaran ini dan terma(-terma) dan syarat(-syarat) Surat Tawaran dalam Bahasa Inggeris, terma(-terma) dan syarat(-syarat) Surat Tawaran dalam Bahasa Inggeris akan digunapakai.